

Rasuah: Pencapaian Persekitaran Bebas Rasuah Melalui Transformasi Kepimpinan Berintegriti

Muhammad Afham Mohd Zaidi^{1,2}, Abdul Aziz Maryani^{1,2}, Justin Koh Teck Yuan^{1,2}, Muhammad Danial Farok^{1,2}, Nur Athirah Batrisyia Ramli^{1,2}, Tan Kai Lun^{1,2}, Chong Hou Yi^{1,2}, Yeoh Zi Hui^{1,2}, Nurul Aimi Razali^{2*}

¹ Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: nurulaimi@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.02.005>

Article Info

Received: 21 October 2023

Accepted: 22 October 2023

Available online: 30 November 2023

Kata Kunci

Etika dan Peradaban, Rasuah, Corruption Perceptions Index, Integriti, Masyarakat

Abstrak

Rasuah kini menjadi perkara biasa dalam kehidupan seharian kita. Rasuah melibatkan pemberian atau penerimaan rasuah sebagai ganjaran untuk mempengaruhi seseorang melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip. Rasuah menjejaskan semua lapisan masyarakat, bukan hanya ahli politik. Pembangunan sesebuah negara dikaitkan dengan sistem pengurusan etikanya. Rasuah boleh menjejaskan reputasi negara, mengurangkan pelaburan asing, dan melambatkan pertumbuhan ekonomi. Pelbagai pandangan termasuk isu politik dan sosial dibincangkan berkaitan rasuah. Isu itu dibangkitkan kerana siasatan dan perbicaraan ahli politik yang menerima atau memberi rasuah. Ketamakan telah menyebabkan hilangnya tanggungjawab dan integriti diri. Ini telah menyebabkan hilangnya kepercayaan masyarakat terhadap pemimpin. Oleh yang demikian, fokus bagi kajian ini adalah untuk menganalisis punca-punca penglibatan ahli-ahli politik dalam aktiviti rasuah. Selain itu adalah menghuraikan impak daripada aktiviti rasuah yang dilakukan terhadap negara, ekonomi dan masyarakat. Manakala objektif yang terakhir adalah membiacarakan usaha-usaha yang efektif dan sistematik untuk mengurangkan gejala rasuah politik di Malaysia. Kajian ini penting kerana ia mengumpul dan membentangkan data dan statistik rasmi daripada agensi kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab membanteras rasuah iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dengan menganalisis data ini, orang ramai boleh memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang aktiviti rasuah dan ahli politik yang terlibat dalam rasuah. Kajian ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu membincangkan etika dan kepelbagaian masyarakat di Malaysia, kebaikan dan keburukan kepelbagaian ini, kelebihan etika dan beradab kepelbagaian dalam mewujudkan keharmonian, kekurangan dalam mewujudkan keharmonian, pendekatan yang boleh diambil untuk mengekalkan etika dan tamadun yang inklusif dan berpandangan ke hadapan, dan kesimpulan dapatan kajian.

1. Pengenalan

Budaya rasuah boleh dianggap sebagai satu barah yang mampu meruntuhkan sistem pentadbiran sesebuah negara dan memusnahkan keyakinan rakyat terhadap para pemimpin negara. Menurut Akta Pencegahan rasuah 1960 yang ditetapkan dalam undang-undang Malaysia, rasuah merujuk kepada perbuatan menerima atau memberi sebarang suapan sebagai ganjaran untuk mendorong seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang akan melanggar prinsipnya. Dalam lingkungan yang luas, rasuah “politik” kebanyakan melibatkan penyalahgunaan jawatan dan kuasa tertentu untuk memenuhi kepentingan peribadi dan seseorang tersebut. Malaysia kini menghadapi krisis integriti yang berpunca daripada amalan rasuah yang berleluasa. Masalah rasuah bukan sahaja terhad dalam kalangan penjawat awam, namun juga menular ke pihak swasta serta orang awam. Kesan amalan rasuah yang berleluasa akan menjadikan sesebuah negara mempunyai imej yang negatif, mengurangkan pelaburan orang negara asing, menjejaskan kestabilan ekonomi negara serta merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Sejak negara kita menjejaskan kaki dalam mencapai kemajuan teknologi dan pembangunan ekonomi, kes-kes rasuah yang terlibat dengan ahli-ahli politik di Malaysia boleh dikatakan sangat serius sama ada ahli-ahli yang telah bersara atau masih memegang jawatan. Walaupun terdapat pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah rasuah, namun jumlah tangkapan tetap berada di tahap yang tinggi.

Dalam kajian ini, kita mendapati bahawa penjawat awam merupakan golongan berisiko tinggi terlibat dalam gejala rasuah. Dalam kajian yang lepas (Sinar Harian, 2021), iaitu pada tahun 2021, sebanyak 2683 orang penjawat awam telah ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada masa yang sama, sebanyak 1622 orang pegawai yang terlibat dengan masalah rasuah terdiri daripada lain-lain kategori. Berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi, penjawat awam dikatakan golongan yang paling banyak terlibat dengan kes rasuah iaitu hampir separuh daripada jumlah tangkapan. Selain itu, terdapat juga kajian yang terkini yang dilaksanakan oleh Mary Victoria Dass (2023), menurut Pengarah SPRM Johor, didapati bahawa seramai 90 orang daripada jumlah tangkapan 219 orang merupakan penjawat awam, diikuti dengan 75 orang pekerja swasta dan 54 lagi orang awam. Dalam siasatan kes rasuah tahun 2023, SPRM Johor telah mencatat jumlah sitaan sebanyak RM3.65 juta, selain melucut hak rampasan pesalah rasuah bernilai RM21,3831.60 dalam tempoh yang sama. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah rasuah merupakan duri dalam daging yang terlibat dalam menggerakkan negara kita ke arah kemajuan dan kemakmuran. Justeru, pelbagai usaha yang sistematik perlu dilaksanakan terutamanya memantapkan etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat negara kita kerana kemajuan dan pergerakan sesebuah negara dalam pelbagai bidang sentiasa berkait rapat dengan etika dan peradaban yang diwujudkan dalam sesebuah negara.

1.1 Pernyataan Masalah

Rasuah politik di Malaysia telah menjadi isu yang dibicarakan dalam setiap lapisan masyarakat dari semasa ke semasa. Setiap tingkah laku ahli-ahli politik daripada parti-parti politik telah menjadi bahan perdana dan sentiasa mendapat perhatian daripada rakyat-rakyat Malaysia. Sebagai contohnya, kes *1 Malaysia Development Berhad* (1MDB) yang melibatkan gejala rasuah yang serius telah memberi kesan yang negatif terhadap imej integriti negara. Melalui siasatan yang dijalankan oleh SPRM, Najib Razak iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia telah didakwa menggunakan kuasa dan kedudukannya untuk mendapat suapan yang berjumlah RM2.3 billion dana 1MDB (Farah Marshita Abdul Patah, 2022). Beliau juga didakwa menggunakan kuasanya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Pengauditan Akhir 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara atau *Public Account Committee* (PAC) untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya (Ahmad Johari Mohd Ali, 2023). Melalui kes-kes rasuah yang telah dipaparkan, setiap lapisan masyarakat perlu sedar bahawa setiap pegawai yang dipertanggungjawab perlu mempunyai integriti yang tinggi supaya memastikan setiap proses yang dijalankan adalah mengikuti piawaian dan prosedur yang ditetapkan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian pertama adalah untuk menganalisis punca-punca penglibatan ahli-ahli politik dalam aktiviti rasuah. Punca-punca perlu diuraikan supaya tindakan yang efektif dapat dijalankan untuk menangani masalah rasuah. Objektif kedua adalah untuk menguraikan impak daripada aktiviti gejala rasuah ini. Impak ini perlulah diuraikan daripada segi negara, ekonomi dan masyarakat. Objektif ketiga adalah untuk membicarakan usaha-usaha yang efektif dan sistematik untuk mengatasi gejala rasuah politik di Malaysia. Setiap lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk menyokong segala usaha yang didorong oleh pihak kerajaan dalam mengatasi gejala rasuah.

1.3 Signifikan Kajian

Kajian ini amat signifikan kerana ia dapat mengumpul dan menunjukkan semua data dan statistik rasmi daripada organisasi berkuasa yang mengatasi masalah rasuah di Malaysia iaitu SPRM. Melalui data yang dikumpul dalam kajian ini, masyarakat dapat mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang aktiviti rasuah dan ahli-ahli politik yang terlibat dalam rasuah. Tujuan kajian ini lebih menumpukan perhatian dalam kalangan ahli politik adalah kerana pemimpin-pemimpin negara merupakan orang yang mengetuai pergerakan dan kemajuan negara ke arah kemakmuran dan kebahagiaan setelah memenangi pilihanraya yang dipilih oleh para rakyat Malaysia (Borhan Ahmad, 2020). Sekiranya masyarakat dan ahli politik tidak mempunyai kesedaran dalam menangani rasuah yang semakin berleluasa, sudah tentu pertumbuhan ekonomi negara akan terganggu. Pelabur asing akan hilang kepercayaan terhadap Malaysia akibat daripada aktiviti rasuah, maka mereka akan membatalkan pemikiran dan minat untuk melakukan pelaburan di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

2.1 Konsep Rasuah daripada pelbagai perspektif di Malaysia

Berdasarkan etimologi, rasuah berasal daripada perkataan Arab 'al-risywah' dan kata dasar ialah 'rasya' yang membawa maksud 'tali untuk mengambil air dari perigi yang diikat di timba' (Shofian, 2008). Definisi rasuah juga dinyatakan sebagai pemberian untuk kepentingan tertentu (menyuap atau menyogok) menurut Kamus Dewan edisi keempat. Selain itu, rasuah juga diertikan sebagai pemberian atau penerimaan suapan kepada atau daripada seseorang individu sebagai upah untuk melibatkan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi dan rasuah (suapan) boleh dalam banyak bentuk seperti wang, hadiah, jawatan, perkhidmatan, upah, diskaun atau bonus (Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009). Berdasarkan kertas kerja tulisan Nur Syakiran Akmal & Md Zawawi (t.t.) dari Universiti Utara Malaysia, rasuah boleh dinyatakan sebagai hadiah, tetapi hadiah adalah pemberian kepada seseorang dengan hati yang ikhlas manakala rasuah ialah pemberian ganjaran atau mengharapkan ganjaran tertentu daripada pemberian seperti wang sogokan atau duit kopi yang mempunyai hasil pulangnya. Daripada perspektif Islam, rasuah ialah perbuatan yang dilarang dan akan mendapat hukuman sekiranya melakukannya adalah berdosa besar. Imam Syafie menekankan dalam kitabnya bahawa seorang hakim menerima rasuah adalah haram (Al-Amrani, t.t.).

2.2 Konsep Integriti

Perkataan integriti berasal daripada Latin 'integer' yang mempunyai maksud sempurna, menyeluruh dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003). Menurut Stanford Encyclopedia of Philosophy (2013), definisi integriti boleh dikategorikan kepada empat aspek iaitu ketekalan nilai peribadi serta komitmen terhadap nilai peribadi, nilai komuniti dan nilai-nilai murni. Berdasarkan Pellegrino (1990), keadaan keseimbangan antara autonomi, ruang peribadi serta nilai individu merupakan integriti. Pada 1994, Roberts menyatakan bahawa integriti ialah kesatuan antara komitmen yang sepenuhnya kepada nilai yang dihayati dalam setiap tindakan dan ucapan seseorang. Pendefinisian terhadap istilah integriti juga boleh ditakrif sebagai kohensi dan konsistensi keyakinan dalaman seseorang individu dengan tindakan yang dilakukan dan pernyataan yang diucapkan. Integriti mempunyai hubungkait yang rapat dengan pembentukan dan megukuhkan etika yang betul dan baik (Mahathir, 2004). Gross (2001) menghuraikan seseorang yang integriti akan memelihara moral diri dengan penuh komitmen dan kemampuan serta kepercayaan yang kukuh tanpa sebarang kompromi. Integriti juga bermaksud tindakan pekerja atau kejayaan yang boleh dipercayai, adil dan jujur di tempat kerja (Mehraban, 2000).

2.3 Hubungan antara Integriti dengan Pemimpin atau Kepimpinan sesuatu Organisasi

Integriti selalu dihubungkan dengan aspek kepimpinan kerana berdasarkan (Grojean et al., 2004), tahap integriti mengambil peranan penting dalam mempengaruhi prestasi kepimpinan satu organisasi. Biasanya, integriti dirujuk sebagai satu ciri penting atau wajib dalam penilaian kepimpinan organisasi atau pemimpin yang baik. Integriti dalam kepimpinan biasanya dibangunkan pada peringkat individu mengikut konsep dari falsafah. Berdasarkan penyelidikan Parry dan Sarah Belle Proctor-Thomson (2002) menilai hubungan statistik antara persepsi integriti pemimpin dan kepimpinan transformasi menggunakan *Perceived Leader Integrity Scale* (PLIS) dan *Multi-Factor Leadership Questionnaire* (MLQ). Kajian mereka mendapati bahawa integriti yang dikaji juga didapati berkorelasi secara positif dengan langkah-langkah keberkesanan pemimpin dan organisasi. Selain itu, kertas kerja daripada Adanan Mat Junoh dan Khairunneezam Mohd Noor (2023) telah membincangkan kepimpinan integriti dari sudut agama Islam. Berdasarkan keputusan kajian mereka, kepimpinan Islam yang berintegriti perlu memiliki tiga element iaitu kemahiran profesional, keunggulan peribadi dan kemahiran

sosial. Di samping itu, kajian yang dilaksanakan oleh Ahamad Nazrul dan Wan Norhaniza (2019) mendapati unsur integriti dalam kepimpinan organisasi di Malaysia memerlukan penambahbaikan dengan prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam supaya integriti pemimpin memenuhi keredhaan Allah SWT

2.4 Rasuah dan integriti dalam pentadbiran di Malaysia

Rasuah dalam konteks pentadbiran di Malaysia biasanya dianggap tindakan dilakukan oleh mereka yang memegang jawatan di jabatan-jabatan atau pejabat-pejabat, seperti ahli politik dan pegawai, yang tidak wajar dan bertentangan dengan undang-undang, bertujuan untuk kepentingan diri sendiri atau orang yang rapat (keluarga dan kawan rapat), dengan menyalahgunakan kedudukan kuasa mereka dan kepercayaan orang ramai terhadap mereka untuk kepentingan dan keuntungan mereka sendiri (Sarah Dina Mohd Adnan, 2013). Sesungguhnya, rasuah merujuk kepada sebarang tindakan yang didorong oleh keinginan untuk mendapat faedah dari segi kewangan atau segi lain seperti jawatan atau kuasa dalam sesebuah institusi atau organisasi (Ahmad Nasyran Azrae, 2018). Untuk mengelakkan tanda rasuah dalam pentadbiran, adalah penting untuk menguatkuasakan undang-undang dan menghargai integriti. Kajian yang dilaksanakan oleh Asmawati Sajari (2017) dan Azimi (2013) telah menumpukan kepada tahap integriti pegawai dalam sesebuah institusi di Malaysia tertentu adalah sangat penting untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Di samping itu, peranan Ketua Pegawai yang integriti dan iklim etika yang betul amat penting dalam mengekalkan suasana dan tahap etika serta integriti sesuatu organisasi atau institusi (Megat Ayop Megat Arifin, 2016; Asmawati Sajari, 2016). Malaysia telah kekal ditetapkan dalam kalangan negara tertinggi kadar rasuah, menurut Laporan Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa atau *Corruption Perception Index (CPI)* yang sejak tahun 1995-2022 iaitu di tangga ke-22 pada (1995) kepada 56 (2010) dan seterusnya tangga ke-47 pada tahun 2022 (International Transparency, 1995-2022).

2.5 Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam Organisasi di Malaysia

Sebagaimana kita sedia maklum, objektif agensi-agensi dan jabatan-jabatan Malaysia adalah untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara. Perkhidmatan yang disediakan dengan berintegriti tinggi amat diperlukan untuk mencapai objektif tersebut supaya dasar-dasar negara di Malaysia dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan serta memajukan negara Malaysia ke tahap yang lebih tinggi (Ayop et al., 2016). Integriti amat penting di tempat kerja atau dalam etika kerja kerana akan mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan yang sempurna dan cekap serta berdisiplin dengan memegang nilai-nilai murni yang dapat mengelakkan kesalahan atau kelemahan dalam pelbagai aspek dalam pentadbiran seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah, pengendalian kes-kes tatatertib, masalah dalam pengurusan kewangan serta penyelewengan daripada peraturan, undang-undang dan agama (Jamiah et al., 2004). Berdasarkan kajian Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad (2016), aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh seseorang ahli politik atau sebuah organisasi juga telah menjadi satu penilaian untuk tahap kemajuan sesebuah negara selain prestasi ekonomi dan kemampuan berdaya saing negara. Perkhidmatan yang telus, profesional dan integriti yang disediakan oleh pihak kerajaan akan mendapat sokongan yang tinggi di kalangan rakyat. Keyakinan rakyat itu merupakan kriteria penting untuk menjamin kestabilan politik, kemajuan ekonomi, kesejahteraan masyarakat serta menarik pelabur asing terhadap keupayaan kerajaan dalam menterjemahkan dan melaksanakan dasar-dasar atau strategi-strategi pembangunan negara Malaysia.

3. Kajian Lepas

Berdasarkan jurnal "Rasuah dan Integriti Dalam Pentadbiran Awam di Malaysia yang ditulis oleh Izawati dan *et al* pada tahun 2022 membincangkan integriti kakitangan dan menunjukkan kepercayaan agama, kecekapan kerja, tempoh perkhidmatan dan kualiti kepimpinan merupakan elemen utama yang boleh mempengaruhi tahap integriti seseorang. Selain itu, ekosistem organisasi yang mengamalkan budaya positif dan ketua yang berintegriti dapat mengurangkan gejala rasuah. Hasil kajian menunjukan integriti pemimpin dan ekosistem berhubung positif dengan tahap integriti dalam sesebuah organisasi. Menurut kajian Barometer Rasuah Global Asia atau *Global Corruption Barometer (GSB)* Edisi Ke-10, sebanyak 72% masyarakat berpendapat bahawa kedudukan rasuah di dalam kerajaan masih tinggi dan belum dibanteraskan. Terdapat 58% berpendapat sektor polis diraja dan penjawat awam yang mempunyai peratusan kedua tertinggi melakukan rasuah selepas ahli parlimen.

Secara ringkasnya, punca-punca utama yang menyebabkan berlakunya rasuah termasuklah kesempatan, kemampuan, tekanan dan rasionalisasi yang berasal dari Teori *Fraud Diamond* yang diperkenalkan oleh *David T. Wolfe* dan *Dana R. Hermanson* pada tahun 2004. Kewujudan kesempatan melakukan rasuah ditingkatkan apabila kedua-dua pihak bekerjasama untuk mencapai matlamat mereka. Faktor kemampuan juga menyumbang rasuah disebabkan kedudukan dan pengaruh boleh disalah guna seperti Polis Diraja Malaysia yang banyak

terlibat dalam kes rasuah khususnya terdapat individu ingin melepaskan tindakan undang-undang (Izawati *et al.*, 2022). Selain itu, kelemahan dalam sistem perundangan juga merupakan elemen gejala rasuah. Hal ini demikian kerana tindakan dan kerja penguatkuasaan undang-undang yang lemah tidak mampu menakutkan individu terhadap hukuman yang diberikan. Tekanan juga mencenderungkan seseorang melakukan rasuah dari segi gaji yang rendah, kos sara hidup yang tinggi, bebanan hutang dan gaya hidup mewah (Izawati *et al.*, 2022). Mereka terpaksa memilih rasuah kerana hasil pendapatan tidak setimpal dengan kos sara hidup yang semakin meningkat. Seterusnya, sikap rasionalisasi seseorang yang menganggap rasuah bukan satu jenayah dan nilai integriti yang longgar juga merupakan punca signifikan berlakunya rasuah (Izawati *et al.*, 2022). Hal ini berkaitan dengan kesedaran nilai moral seseorang dan tuntutan agama masing-masing.

Usaha-usaha yang efektif untuk membanteras gejala rasuah boleh melalui pelbagai aspek seperti etika sesebuah organisasi, integriti penjawat awam dan juga undang-undang dan penguatkuasaan. Sesebuah organisasi haruslah memberikan latihan dan pendidikan terhadap jenayah rasuah agar mengurangkan kadar penglibatan ahli-ahli politik dalam gejala rasuah. Nilai-nilai agama seperti agama Islam boleh dugunapakai dalam perkerjaan bagi mengamalkan nilai amanah dan sekaligus dapat menghasilkan budaya kerja yang baik dalam organisasi (Izawati *et al.*, 2022). Hukuman berat seperti hukuman sebat, pemuluan dan ancaman dinasihatkan dimasukkan dalam peruntukan Seksyen 24 Akta SPRM 2009 untuk memperketakan undang-undang yang sedia ada terhadap sektor yang mempunyai kecenderungan rasuah yang tinggi. Sesebuah organisasi pentadbiran awam perlu memupuk iklim etika dan integriti yang bertahap tinggi. Selain itu, perubahan struktur sistem birokrasi perlu dijalankan dengan cara yang mudah dan efektif khususnya dalam sektor perkhidmatan agar mengurangkan risiko penglibatan rasuah untuk mempercepatkan proses (Izawati *et al.*, 2022).

Kesimpulan daripada jurnal "Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi di Malaysia" yang ditulis oleh Megat Ayop Megat Arifin and Abd. Halim Ahmad (2016), integriti adalah berlandaskan akhlak dalam tingkah laku seharian dan berkait rapat dengan akhlak. Etika ialah satu set nilai dan etika yang menjadi standard kelakuan untuk individu, organisasi dan profesion. Budaya integriti dan etika kerja dalam sesebuah organisasi amatlah penting dengan memastikan semua pekerjaan dapat dilakukan secara adil, jujur dan sesuai dengan prinsip moral dan hukum (Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, 2016). Seseorang pemimpin dan juga sesebuah organisasi bertanggungjawab mengamalkan dan menggalakkan budaya integriti dan etika kerja dalam persekitaran kerja. Hal ini termasuklah membangunkan dasar dan prosedur yang jelas, menyediakan latihan dan pendidikan dan membangunkan sistem pemantauan yang berkesan untuk menjamin keberkesanan dalam jangka panjang. Konsep integriti bukan sahaja berkaitan dengan isu-isu rasuah tetapi juga melibatkan kawasan yang besar dan termasuk budaya kerja yang harus mengikuti integriti seperti integriti dalam menepati masa, memaklumkan informasi yang benar dan mempunyai hubungan yang berintegriti dengan segala golongan rakan sekerja (Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, 2016).

Selain itu, pemimpin memainkan peranan yang dominan dalam mempromosikan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi. Hal ini demikian kerana pemimpin boleh menunjukkan contoh yang baik dan ahli anggota akan mencorakkan sikap pemimpin yang mementingkan etika kerja. Oleh itu, amalan integriti lama kelamaan akan menjadi sebagai asas budaya organisasi dan juga menjadi fenomena yang biasa (Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, 2016). Pihak kerajaan juga telah menganjurkan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004 bertujuan untuk mempromosikan amalan integriti dan nilai-nilai murni dalam segala lapisan agensi-agensi dan rakyat Malaysia. Penubuhan Unit Integriti di setiap jabatan kerajaan telah dibentuk oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) demi mencapai kadar sifar jenayah dalam agensi kerajaan. Pengurusan Awam Aliran Baru merupakan perjuangan kerajaan untuk membangunkan etika kerja unggul dalam sektor perkhidmatan awam (Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, 2016).

Penjawat awam dan pemimpin mesti mengamalkan etika dan integriti dalam perkhidmatan untuk mengamalkan sikap amanah dengan kuasa yang diberikan kepada mereka demi kepentingan awam dan masyarakat. Integriti signifikan untuk menjaga kepercayaan orang ramai, imej kakitangan dan negara, mampu memajukan ekonomi negara dan bersaing maju. Kesannya, risiko berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam segala sektor kerajaan atau swasta dapat dikurangkan. Berdasarkan perspetif politik, nilai integriti mempunyai hubungan erat dengan ketulusan agensi kerajaan dan ia mampu meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap dasar kerajaan. Justeru, segala pihak perlu bekerjasama mengamalkan etika yang berakhlak mulia dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan agar membentuk sebuah negara yang bebas masalah rasuah.

Persekitaran yang berintegriti dapat dibangunkan dengan kerjasama antara semua pihak yang menekankan amalan integriti. Demikian itu, persekitaran tersebut dapat memberikan kesan positif dengan membentuk semua warga memiliki prinsip-prinsip akhlak yang tinggi. Seterusnya, sosial, ekonomi dan politik yang stabil dapat dicapai melalui elemen integriti yang dipupuk oleh setiap insan.

4. Perbincangan

Di dalam bahagian perbincangan ini, antara perkara yang akan diterangkan adalah punca-punca berlakunya gejala rasuah. Seterusnya adalah membincangkan impak daripada melakukan aktiviti rasuah ini. Akhir sekali adalah membincangkan usaha-usaha bagi mengatasi gejala rasuah ini daripada terus menular.

4.1 Punca-punca Berlakunya Gejala Rasuah

Penglibatan rasuah semakin berleluasa dan menyebabkan integriti semakin merosot akibat daripada tindakan penguatkuasaan kerajaan yang longgar dan kurangnya ketegasan dalam pentadbiran. Undang-undang membabitkan rasuah boleh dikatakan lengkap tetapi disebabkan oleh penguatkuasaan yang lemah menjadikan masyarakat tidak takut menerima dan memberi rasuah. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan pejawat awam yang terlibat dalam gejala ini merupakan seseorang yang mengetahui selok belok perundangan dimana mereka sendiri telah berkhidmat dalam bidang tersebut selama berpuluh tahun (Azam, 2021). Menurut Musa Hassan (2021), bekas ketua polis negara beliau berkata nilai murni seorang pemimpin semakin merosot disebabkan oleh faktor berkenaan dan menyebabkan individu tersebut sanggup mencemarkan integriti diri demi kesenangan hidup. Pembelian undi yang berterusan sepanjang tempoh berlangsungnya Pilihan Raya Umum membuktikan contoh kegiatan rasuah yang berlaku dalam kalangan pemimpin. Dalam tidak sedar, pemberian sumbangan wang tunai atau barangan secara terus juga dipanggil sebagai sedekah boleh dianggap rasuah. Amalan pembelian undi menerusi sogokan dan rasuah ini juga termasuklah menerusi penganjuran jamuan makan malam atau pemberian wang tunai kepada pengundi semasa kempen pilihan raya. Perkara tersebut telah sinonim dalam masyarakat negara ini dan menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Akta ini memang sudah lama digunapakai, namun dari segi penguatkuasaan tidak begitu tegas dan efektif. Hal ini juga bersangkut paut dengan pelaksanaan keputusan yang bakal dibuat oleh kerajaan kerana golongan yang berisiko tinggi terhadap rasuah tergolong daripada pejawat awam. Dalam konteks ini, rasuah boleh berlaku dalam setiap peringkat dalam agensi kerajaan dan ia juga mendorong untuk memberikan imbuhan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Bukan sahaja itu, sesetengah masyarakat kini beranggapan bahawa tiada lagi keperluan bagi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menubuhkan pasukan khas bagi memantau kegiatan pembelian undi dan rasuah sepanjang kempen pilihan raya berlangsung kerana Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah cukup untuk mengendalikan kes seumpama ini. Ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada pegawai kerajaan bertindak mengikut budi bicara sendiri. Integriti yang sepatutnya menjadi pegangan dan prinsip dalam menjalankan tugas mereka juga telah dibuang dan dipandang enteng begitu saja. Perbuatan yang tidak berintegriti ini telah meninggalkan kesan buruk jangka pendek dan jangka panjang yang menyeluruh kepada masyarakat dan negara terutamanya yang meliputi maruah negara. Terbukti disini bahawa kita dapat melihat kurangnya tindakan yang diambil terhadap pegawai yang menyeleweng sehingga menimbulkan gejala rasuah dan salah guna kuasa (Faizul Haika, 2023).

Jenayah rasuah dalam politik ini berlaku apabila sifat integriti seseorang itu lemah malah wujud sifat tamak dalam diri kerana ingin hidup mewah melebihi daripada pendapatan yang diperoleh. Nilai moral kebanyakan masyarakat juga teruk disebabkan 'mindset' mengambil rasuah adalah perkara biasa dalam menjalankan kerja harian. Sikap negatif ini menjadi pendorong kepada masyarakat sehingga menimbulkan ketaksuban dan sanggup membuat apa sahaja demi mencapai keinginan mereka disamping mendorong mereka untuk tersesat jalan. Hal ini teretus apabila masyarakat kini yang secara umum sekarang sering menunjuk-nunjuk kemewahan mereka di media sosial dan menyebabkan timbulnya rasa iri hati seseorang sehingga tidak boleh mengawal sifat tamak dan nafsu mereka. Dengan kata lain, mereka yang iri hati ini akan tercabar dan menyebabkan keinginan untuk mendapatkan kemewahan itu meningkat walaupun luar dari kemampuan mereka. Individu yang menerima rasuah kebiasaannya ada duit tetapi sentiasa berasa tidak cukup malah masih tamak selepas mempunyai kemewahan di luar batasan. Sebagai contoh memakai kereta mewah telefon bimbit terkini, jauh melebihi kemampuan seorang pejawat awam. Pernah menjadi isu bahawa pendapatan yang tidak mencukupi telah menjadi punca utama gejala rasuah ini berleluasa namun kebanyakan mereka yang terlibat dalam gejala ini merupakan golongan yang berpendapatan tinggi.

Walaupun demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata terdapat sebuah negara yang terkenal kerana rasuah cuba mencegah amalan itu dengan menaikkan tiga kali ganda gaji kakitangan tetapi hasilnya ialah bayaran rasuah yang dituntut juga dinaikkan tiga kali ganda. Gejala rasuah yang berlaku di negara ini menyebabkan ketidakstabilan dari segi ekonomi serta tanggungjawab sosial. Perbuatan ini sering berlaku kerana mereka yang berkuasa dan diberikan kepercayaan untuk mempertahankan undang-undang ini, merekalah yang sebaliknya melakukan jenayahnya. Pelbagai kes besar melibatkan pegawai berpendapatan tinggi membuktikan sifat tamak boleh menjadi punca rasuah yang akan menjejaskan integriti para pejawat awam. Walau bagaimanapun, kes rasuah yang melibatkan kakitangan bawahan seperti menerima 'duit kopi' juga

sebenarnya lebih memberikan kesan kepada orang awam kerana ia melibatkan mereka secara tidak langsung berbanding kes berprofil tinggi yang melibatkan jutaan Ringgit Malaysia. Sifat tamak dan kecenderungan berbelanja melebihi kemampuan membuatkan individu berusia bawah 40 tahun lebih terpengaruh untuk menerima rasuah bagi menampung gaya hidup mereka. Kesannya, Malaysia Baharu tidak dapat berlaku sekiranya kita tidak ubah dan buang mentaliti lama yang boleh menerima amalan rasuah ini. Jelaslah disini bahawa rasuah tidak terikat dengan pendapatan atau pangkat, sebaliknya disebabkan oleh perasaan tamak dan haloba (Azlim Zainury, 2021).

4.2 Impak Rasuah Dalam Politik Terhadap Integriti Kepimpinan

Impak negatif yang akan terjadi kepada integriti kepimpinan negara daripada penglibatan rasuah dalam kalangan politik adalah menjejaskan sistem pentadbiran. Sistem pemerintahan sepatutnya berjalan dalam satu arah di atas perbincangan dan juga kesepakatan bersama di antara ahli politik, tetapi sistem pentadbiran akan terjejas kerana wujudnya saluran lain selain sistem itu. Negara akan kehilangan hasil dan akan terpesong daripada tindakan-tindakan yang tidak sewajarnya setiap kali aktiviti rasuah berlaku. Skandal 1MDB merupakan contoh terbaik untuk merungkai impak kepada sistem pemerintahan ini. 1MDB merupakan syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Malaysia. Sekitar tahun 2015, Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 ketika itu dinyatakan telah menyalurkan wang sekitar RM2.6 bilion bersamaan 700 Amerika Syarikat Dolar ketika itu dari 1MDB ke akaun bank peribadi beliau. Keadaan itu telah mencetuskan kritikan yang meluas di kalangan rakyat Malaysia sehingga menyeru beliau untuk meletakkan jawatan. Rakyat menjadi amat terkesan dengan dengan skandal 1MDB ini kerana dana awam digunakan untuk menyelamatkan 1MDB sedangkan rakyat terpaksa membayar pelbagai cukai, berhadapan dengan kenaikan harga barang dan berjuang dengan kos sara hidup yang sangat tinggi. Permintaan ini turut disokong oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad.

Tun Dr. Mahathir akhirnya mengalahkan Najib Razak untuk kembali berkuasa selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Hal ini membuktikan bahawa sembilan kebaikan yang dibuat mampu menghilangkan rasa percaya manusia terhadap satu kesalahan yang berlaku lebih-lebih lagi apabila bercakap soal pemimpin negara dengan rakyat. Seterusnya, SPRM yang diketuai oleh Tan Sri Abu Kassim telah menjalankan siasatan dan mendapati dana sebanyak RM2.6 bilion yang didakwa dimasukkan ke akaun peribadi Najib Tun Razak yang ketika itu merupakan dana sumbangan penderma dan bukan dari 1MDB. Penjelasan itu mewujudkan tanda tanya terhadap SPRM kerana dikatakan melibatkan integriti beberapa pegawai kanan SPRM dan akhirnya mereka terpaksa dipindahkan dan dikeluarkan daripada menyelesaikan kes berprofil tinggi. Kegiatan rasuah yang berlaku dalam pegawai-pegawai yang terlibat juga menyebabkan birokrasi negara menjadi huru-hara. Selepas kejadian 1MDB ini, Malaysia mencatat skor 52 berbanding 50 pada tahun 2013 yang merupakan rekod tertinggi yang pernah dicatat sejak tahun 2004 sehingga tahun 2014. Keadaan ini menunjukkan integriti dan tadbir negara setelah kemelut 1MDB ini menuju ke arah negatif dan memburukkan imej negara (Jais Abdul Karim, 2022).

Amalan rasuah dalam politik juga dapat mengubah persepsi masyarakat untuk mengambil enteng tentang tanggungjawab dan amanah dalam kehidupan seharian. Rasuah bukan sahaja menjejaskan sistem pemerintahan tetapi juga mempertaruhkan nasib rakyat. Dalam hal ini, segelintir rakyat terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah akan terabai daripada menerima sesuatu hal yang sepatutnya diberi adil sama ada dalam bentuk tender, pekerjaan atau pendidikan. Sebagai umat Islam kita telah dididik dari zaman persekolahan untuk mencontohi sifat wajib Rasulullah SA iaitu *siddiq* (benar), *amanah* (jujur), *tabligh* (menyampaikan) dan *fathonah* (bijaksana). Amanah merupakan salah satu hal perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam kehidupan seseorang untuk membanteras gejala rasuah ini. Amanah bermaksud menyampaikan hak kepada pemiliknya, atau tidak mengambil sesuatu melebihi haknya dan tidak mengurangi hak orang lain. Sebagai contoh yang dipetik dari keratan akhbar Berita Harian 24 Julai 2021, dua individu yang membabitkan pegawai daerah dan seorang juruukur bahan didapati bersekongkol dengan syarikat kontraktor, yang juga sindiket kartel projek untuk membolot projek bernilai puluhan juta ringgit di empat daerah di Selangor. Kontraktor tersebut telah meraih pelbagai projek yang mencecah RM 20 juta.

Bentuk rasuah yang diberi kepada kontraktor adalah seperti menaja aktiviti bermain golf dan percutian ke luar negara dengan membiayai penuh perbelanjaan keluarga. Pecah amanah yang dilakukan oleh pihak juruukur pula adalah dengan membocorkan maklumat berkaitan tender bagi kerja pembersihan kawasan dan penyelenggaraan beberapa daerah di Selangor. Hal ini telah mengakibatkan banyak kontraktor di kawasan Selangor kerana tidak mendapat pekerjaan akibat sifat tamak kontraktor tersebut dan juruukur yang tidak jujur dalam melaksanakan tugasnya. Perkara ini juga mengakibatkan maruah keluarga tercalar dan di pandang rendah oleh orang lain. Selain itu, yang lebih parah lagi adalah pecah amanah yang melibatkan penderitaan orang lain. 24 Mei 2022, SPRM mendedahkan bahawa wujudnya penyelewengan rasuah yang melibatkan perolehan perkhidmatan kesihatan (Mohd Husni, 2022). Siasatan didapati bahawa penipuan berkaitan dengan

peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan seperti topeng muka dan sarung tangan dari segi kualiti dan kuantiti peralatan perubatan yang lebih rendah. Contoh ini jelas menunjukkan betapa rakusnya manusia hanya untuk mendapatkan keuntungan daripada penderitaan orang lain lebih-lebih lagi sewaktu kecemasan dan pandemik. Sifat amanah yang semakin lama kian gugur dalam individu mengakibatkan berlakunya perkara diluar tabii. Oleh itu, jelaslah bahawa aktiviti rasuah membawa kepada ketidakadilan dalam kalangan masyarakat yang mengancam perpaduan dan kemanan rakyat (Amirah Aishah, 2020).

4.3 Usaha Bagi Mengatasi Penularan Gejala Rasuah

Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan berkepentingan dalam menangani kegiatan rasuah di negara kita ini. Kerajaan harus menilai semula dan menambah baik undang-undang yang dikenakan kepada pesalah yang melakukan aktiviti rasuah. Seperti contoh, Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) di mana akta tersebut memperuntukkan mereka yang didapati bersalah dalam kegiatan rasuah boleh dipenjarakan selama tempoh tidak kurang dari 14 hari dan tidak lebih dari 20 tahun. Ujar Prof Madya Dr Amini Amir Abdullah, pensyarah di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, University Putra Malaysia (UPM), hukuman penjara minimum harus dinaikkan kepada tidak kurang daripada dua tahun. Hal ini disebabkan kerana, terdapat beberapa kes yang melibatkan kegiatan rasuah ini yang melibatkan nilai jutaan ringgit namun hukuman yang diberikan kepada pesalah hanya penjara yang tidak sampai sebulan (Azmi Yusof, 2022). Perkara sebegini akan membuatkan politik rasuah lebih mudah dilakukan kerana hukuman yang dikenakan kepada pesalah tidaklah setimpal dengan perbuatan yang dilakukannya ulasnya beliau. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, namun tiada tempoh minimum yang ditetapkan untuk hukuman ini, dimana memberi ruang budi bicara hakim dalam memutuskan hukuman terhadap pemberi suap rasuah itu.

Bukan sahaja itu, jumlah denda yang dikenakan kepada pesalah pemberi suap rasuah hanyalah RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan yang diberi mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Kerajaan boleh mengambil tindakan yang lebih drastik untuk memperketatkan undang-undang dengan menaikkan nilai minimum denda yang bakal dikenakan kepada pesalah menjadi kepada RM50,000. Hukuman yang berat perlu dijatuhkan kepada pemberi suapan rasuah supaya golongan ahli politik mahupun orang awam yang melakukan kegiatan aktiviti ini serik selain menggambarkan di fikiran mereka terhadap denda atau tindakan yang akan dikenakan kepada mereka sekiranya melakukan perbuatan rasuah itu. Dengan ini, sekali gus akan mencerminkan keprihatinan kerajaan Malaysia dalam menangani rasuah politik di negara selain memberi pengajaran kepada masyarakat umum mahupun ahli politik supaya tidak terjebak dalam aktiviti yang tidak bermoral ini. Kerajaan Malaysia berkomitmen sepenuhnya dalam menangani rasuah politik di negara ini. Rasuah politik merupakan suatu perbuatan atau aktiviti yang merosakkan sesebuah negara. Bukan sahaja itu, perkara yang tidak bermoral itu akan menghancurkan integritas dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik di negara Malaysia dalam masa yang sama menghalang kemajuan negara secara keseluruhannya (Martadha, 2022). Melalui langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang tegas dan pendekatan yang holistik, berharap supaya dapat menghapuskan amalan rasuah politik dalam kalangan negara kita.

Memandang ringan isu masalah rasuah politik di negara kita, menafikan dan menidakkan kewujudan rasuah di depan mata harus diubah secara segera. Pengisytiharan harta merupakan salah satu cara yang sistematik yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menjamin kegiatan rasuah politik dapat dihapuskan dan memastikan ketelusan dan akauntabiliti antara pemimpin. Pemerhati Rasuah Malaysia atau *Malaysia Corruption Watch* (MCW) percaya bahawa dengan pengisytiharan harta terhadap semua ketua pegawai eksekutif syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan termasuk ahli badan kehakiman akan memberikan impak yang positif dalam aktiviti membendung masalah rasuah politik ini. Menurut MCW (2022), golongan yang tersebut perlu memberikan justifikasi kepada pendapatan yang berlebihan dan terpulang kepada SPRM sekiranya untuk menerimanya atau pun tidak (Hussaini Amran, 2022). MCW (2022) jugak menekankan bahawa agensi SPRM memberi sepenuh kudratnya untuk mengatasi perkara ini. SPRM harus menyiasat dengan terperinci pengisytiharan harta yang dilakukan oleh golongan tersebut dan mengambil segala tindakan yang perlu dilakukan. Langkah kerajaan mewajibkan golongan ini mengisytiharkan harta kepada SPRM adalah tindakan proaktif untuk mengelakkan penjawat jawatan penting serta strategik daripada menyentuh amalan rasuah dan salah laku (Norawazni Yusof, 2021).

Tindakan yang dilakukan seperti ini sangat wajar kerana akan mencerminkan ketelusan pemimpin negara, badan kerajaan dan entiti berkaitan dengan kerajaan, sekali gus secara tidak langsung dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada kerajaan dan pemimpin negara bahawa tiada penyalahgunaan dana kerajaan untuk kesenangan diri sendiri. Dengan pengisytiharan harta masing-masing seperti penjawat yang menjawat jawatan tinggi, sebagai contoh ahli kabinet, masyarakat dapat menilai setiap ketua organisasi yang telah dilantik tidak akan sewenang-wenangnya menambahkan kekayaan menerusi kedudukan yang mereka duduki. Apabila golongan yang berpangkat tinggi ini sudah mengisytiharkan harta mereka ke SPRM, golongan ini akan lebih berhati-hati dalam sebarang tindakan yang dilakukan kerana sebarang usaha untuk menggunakan kedudukan

bagi mengumpul kekayaan akan mudah dikenal pasti oleh pihak SPRM. Dalam masa yang sama, perkara ini juga sebagai langkah pencegahan kepada semua ketua pegawai eksekutif untuk meningkatkan akauntibiliti masing-masing (Muhammad Amnan Hibrabim, 2022). Negara maju seperti Amerika Syarikat mewajibkan untuk menisytiharkan harta kerana amalan sebegini amatlah kerap dilakukan oleh orang yang berjawatan di negara-negara maju. Inisiatif kerajaan untuk mewajibkan pengisytiharaan harta dilaksanakan yang merangkumi penjawat awam, ketua pegawai eksekutif berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan serta ahli badan kehakiman, termasuk ahli badan eksekutif dan perundangan merupakan salah satu proses transformasi kerajaan meningkatkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan dan mengekang aktiviti rasuah ini di negara Malaysia terutama dalam kalangan ahli politik.

5. Kesimpulan

5.1 Rumusan Objektif Kajian dan Signifikan

Secara rumusan, hasil kajian ini telah menunjukkan arah memerangi rasuah dalam kepimpinan berintegriti dalam bidang politik negara supaya dapat menyebarkan kesedaran yang lebih mendalam tentang aktiviti rasuah yang membabitkan ahli-ahli politik secara berleluasa di Malaysia. Berdasarkan kajian yang dibincangkan di atas, insiden dan data-data tentang penglibatan rasuah dalam kalangan ahli politik melalui SPRM telah menyumbang sebagai salah satu garis panduan untuk membendung budaya rasuah supaya tidak dapat semakin diterima tersirat oleh masyarakat. Sehubungan dengan ini, *Corruption Perceptions Index (CPI)* yang tinggi juga menggambarkan amalan rasuah politik yang berleluasa di Malaysia. Daripada hasil kajian ini, punca-punca yang menyumbang kepada gejala rasuah dalam kalangan ahli politik adalah seperti sifat integriti yang tidak kukuh, pegangan agama yang kurang kukuh, kes penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pemimpin politik dan pegawai kanan kerajaan, dan juga faktor ekonomi sebagai punca utama kepada amalan rasuah. Hakisan nilai integriti di dalam sesebuah negara terutamanya pemimpin politik dan penjawat awam akan mengakibatkan amalan rasuah yang menjadi punca kepincangan pentadbiran sehingga memusnahkan sesebuah negara dan bangsa. Rasuah merupakan satu penyakit kerana ia memberi impak besar terhadap kemusnahan institusi masyarakat (Ab Rahman *et al.*, 2022).

Impak negatif yang akan terjadi kepada integriti kepimpinan negara daripada penglibatan rasuah dalam kalangan politik adalah memusnahkan hala tuju sistem pemerintahan negara dan mengubah persepsi masyarakat untuk mengambil berat tanggungjawab dan amanah dalam kehidupan seharian. Berdasarkan perbincangan di atas, pendekatan menyeluruh hendaklah dilaksanakan dengan penglibatan setiap golongan masyarakat termasuklah pengukuhan etika dan nilai murni terutamanya berintegriti tinggi dalam tanggungjawab diri sendiri dan pelaksanaan hukuman tegas keatas pesalah gejala rasuah. Kaedah menangani seperti memeluk undang-undang yang dinambahbaikkan oleh kerajaan perlulah diambil kira oleh pemimpin negara, pekerja ataupun masyarakat awam bagi mengurangkan aktiviti rasuah di Malaysia di samping meningkatkan keberkesanan pencegahan. Ke arah pencapaian persekitaran bebas rasuah, sifat integriti yang kukuh merupakan asas utama kepada keutuhan jentera pentadbiran sesebuah kerajaan, persepsi rakyat dalam aspek ketelusan dan penanda aras kepada kepercayaan terhadap seseorang individu. Justeru, transformasi kepimpinan berintegriti memperkukuhkan tadbir urus negara yang terbaik dengan mengikuti etika dan peradaban yang positif dari atas ke bawah sesebuah negara bangsa demi kesejahteraan masyarakat.

5.2 Implikasi Kajian

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian ini, terdapat beberapa implikasi yang dapat dicakupi kepada seluruh masyarakat di negara Malaysia akan diketengahkan berhubung dengan mewujudkan budaya menolak rasuah melalui kepimpinan berintegriti dalam kehidupan masyarakat. Antara implikasi kajian yang dibahaskan adalah merangkumi kepercayaan yang lebih mendalam terhadap pemimpin oleh masyarakat awam serta strategi dan pendekatan yang berkesan memerangi gejala rasuah politik demi pencapaian persekitaran bebas rasuah di Malaysia. Berdasarkan isu-isu rasuah yang terbabit, etika dan integriti dalam perkhidmatan masih diperlihatkan sebagai cabaran utama bagi amalan rasuah. Kajian ini telah menjelaskan kes-kes rasuah yang terlibat oleh pemimpin di Malaysia bersama dengan punca-punca secara mendalam supaya dapat memelihara kesedaran masyarakat terhadap pentadbiran negara yang bertanggungjawab. Kepercayaan dan sokongan rakyat adalah amat penting dalam mencapai kelancaraan dalam pentadbiran negara termasuklah menangani budaya rasuah di negara.

Kehakisan kepercayaan rakyat terhadap agensi yang memerintah maka segala kaedah pencegahan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana segalanya akan dipersoal oleh rakyat (Ali Embi, 2007). Etika dan integriti dalam perkhidmatan turut diperlihatkan oleh rakyat agar melahirkan bangsa Malaysia yang berdaya saing dan maju. Keadaan ini menggambarkan kepercayaan terhadap transformasi kepimpinan berintegriti

merupakan asas utama bagi membendung amalan rasuah dari bawah ke atas dalam struktur negara dan akhirnya melahirkan persekitaran bebas rasuah. Kajian ini juga menghasilkan beberapa strategi dan pendekatan yang sistematik untuk memerangi gejala rasuah politik dan seterusnya mengekalkan peradaban yang terkehadapan. Gejala rasuah bukan sahaja melanggar ajaran agama dan undang-undang negara tetapi juga merosakkan sistem kehidupan serta peradaban manusia (Adriana Nabilla, 2023). Budaya yang memartabatkan integriti akan mewujudkan persekitaran di mana amalan etika yang baik dipelihara dalam diri setiap insan. Pemantapan integriti dan pembudayaan nilai murni dalam pelaksanaan tanggungjawab pemimpin adalah strategi yang paling efektif untuk menggerakkan semua sektor negara ke arah yang bebas daripada rasuah.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

Rujukan

- [1] Ahmad Johari Mond Ali. (2022, April 5). Skim Pengurusan 1MDB Paling Licik, Jahat. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/942740/skim-pengurusan-1mdb-paling-licik-jahat>
- [2] Jais Abdul Karim. (2022, Mac 3). Rentetan kes 1MDB jejas imej negara di persada dunia. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2022/03/929587/rentetan-kes-1mdb-jejas-imej-negara-di-persada-dunia>
- [3] Samadi Ahmad. (2021, Julai 24). Pegawai Daerah, Juruukur Bahan Ditahan SPRM. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/07/842714/pegawai-daerah-juruukur-bahan-ditahan-sprm>
- [4] Mond Husni Mond Noor. (2022, Mei 24). SPRM Dedah Wujud Penyelewengan Perolehan Perkhidmatan Kesihatan. Utusan Malaysia; Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/05/sprm-dedah-wujud-penyelewengan-perolehan-perkhidmatan-kesihatan/>
- [5] Admin. (2021, Januari 31). Penjawat Awam Paling Kuat Rasuah. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/121649/khas/rasuah-busters/penjawat-awam-paling-kuat-rasuah>
- [6] Mary Victoria Dass. (2023, Februari 20). Penjawat Awam Paling Ramai Terbabit Rasuah di Johor. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1066783/penjawat-awam-paling-ramai-terbabit-rasuah-di-johor>
- [7] [Farah Marshita Abdul Patah. (2022, Ogos 24). Apa Lagi Kes Berprofil Tinggi Dihadapi Najib? Berita Harian; Berita Harian <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/992285/apa-lagi-kes-berprofil-tinggi-dihadapi-najib>
- [8] Ahmad Johari. (2023, Mac 2). Esok Keputusan Najib, Arul Kanda Bebas Atau Bela Diri Kes Laporan. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071219/esok-keputusan-najib-arul-kanda-bebas-atau-bela-diri-kes-laporan>
- [9] Hussaini Amran. (2022, September 20). Pengisytiharan Harta CEO GLC, GLIC, Hakim Beri Kesan Positif-MCW. Malaysia Gazette; Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2022/09/20/pengisytiharan-harta-ceo-glc-glic-hakim-beri-kesan-positif-mcw/>
- [10] Prof Dr Ahmad Aarthdad Marthadet Martadha Mohamed. (2022, September 25). Isytihar Harta Langkah Awal Sifar Rasuah Jaga Integriti. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/09/1004491/isytihar-harta-langkah-awal-sifar-rasuah-jaga-integriti>
- [11] Norawazni Yusof. (2021, Februari 21). Pemimpin Politik Perlu Isytihar Harta Untuk Pastikan Ketelusan. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/124920/khas/rasuah-busters/pemimpin-politik-perlu-isytihar-harta-untuk-pastikan-ketelusan>
- [12] Muhammad Basir Roslan. (2022, September 28). Rasuah: Tambah Baik Undang Undang Hukuman Perlu Lebih Berat. Harakah Daily; Harakah Daily <https://harakahdaily.net/index.php/2022/09/28/rasuah-tambah-baik-undang-undang-hukuman-perlu-lebih-berat/>
- [13] Muhammad Amnan Hibrabrahim. (2022, Oktober 3). Usaha Tangani Rasuah Perlu Jadi Keutamaan Bajet 2023. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/224075/khas/belanjawan-2023/usaha-tangani-rasuah-perlu-jadi-keutamaan-bajet-2023>

- [14] Mohd Faizul Haika Mat Khazi. (2023, Januari 26). Penguatkuasaan lemah punca rasuah berleluasa. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/242196>
- [15] [Admin. (2021, ogos 7). Punca Kenapa Penjawat Awam Terlibat Dengan Rasuah. Bebas News; Bebas News. <https://bebasnews.my/2021/08/07/punca-kenapa-penjawat-awam-terlibat-dengan-rasuah/>
- [16] Mukhriz Mat Husin. (2021, Februari 20). Kelemahan Penguatkuasaan Punca Tidak Takut Rasuah. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/124771/khas/rasuah-busters/kelemahan-penguatkuasaan-punca-tidak-takut-rasuah>
- [17] Mukhriz Mat Husin. (2022, Februari 3). Ego, Nafsu dan Tamak Punca Utama Rasuah Dalam Negara. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/186038/khas/rasuah-busters/ego-nafsu-dan-tamak-punca-utama-rasuah-dalam-negara>
- [18] Mohd Azlim Zainury. (2021, Julai 02). Tamak, mahu hidup mewah punca rasuah. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/147611/khas/wacana/tamak-mahu-hidup-mewah-punca-rasuah>
- [19] Noor Atiqah sulaiman. (2016, Oktober 21). Sikap Tamak Dorong Belia Terima Rasuah- SPRM. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/10/204413/sikap-tamak-dorong-belia-terima-rasuah-sprm>
- [20] Ismail, & Abu. (2023). Rasuah....? Katakan tidak - UUM Repository. Uum.edu.my. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1908/1/47.pdf>
- [21] Jacob Dahl Rendtorff. (2015). Integrity, Concept of. 1-7. https://doi.org/10.1007/978-3-319-05544-2_250-1
- [22] Grojean, M. W., Resick, C. J., Dickson, M. W., & Smith, D. J. (2004). Leaders, Values, and Organizational Climate: Examining Leadership Strategies for Establishing an Organizational Climate Regarding Ethics. 55(3), 223-241. <https://doi.org/10.1007/s10551-004-1275-5>
- [23] Parry, K., & Sarah Belle Proctor-Thomson. (2002). Perceived Integrity of Transformational Leaders in Organisational Settings. ResearchGate; Springer Verlag. https://www.researchgate.net/publication/226373359_Perceived_Integrity_of_Transformational_Leaders_in_Organisational_Settings
- [24] Adanan Mat Junoh, & Khairunneezam Mohd Noor. (2023). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW. Usim.edu.my. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/11518>
- [25] Nazrul, A., & Hasan, W. (2019). Prinsip-Prinsip Penggunaan Islam Dalam Pelaksanaan Bantuan Rakyat (Principles of Islamic Consumption in the Implementation of People's Aid). Ssrn.com. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3481568
- [26] Prosiding, & Viii. (2013). Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. JILID, 1, 246-253. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1E4.pdf
- [27] Azrae, A., Hairuddin, H., Latif, M., Mohamed, K., Pengajian, P., Undang-Undang, K., Dan, K., Antarabangsa, P., Di, R., Agensi, K., Kerajaan, P., Analisis, S., & Berita, L. (2018). LAPORAN BERITA TEMPATAN COMPLICITY IN CORRUPTION AMONG GOVERNMENT'S ENFORCEMENT AGENCY: AN ANALYSIS OF LOCAL NEWS REPORT. International Journal of Law, Government and Communication, 3(13), 218-235. <http://www.ijlgc.com/PDF/IJLGC-2018-13-12-19.pdf>
- [28] Afeefa, A. (2013). Integrity level among Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) staffs - A case study of Human Resource and Administration Department - UUM Electronic Theses and Dissertation [eTheses]. Uum.edu.my. <https://etd.uum.edu.my/5162/1/s809956.pdf>
- [29] Asmawati, S., Hasnah, H., & Ishak, I. (2017). Level of Ethics and Integrity: Case Studies of Malaysian Public Sector Organizations - UMP Institutional Repository. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/24407/1/Level%20of%20Ethics%20and%20Integrity%20Case%20Studies%20of%20Malaysian%20Public%20Sector%20Organizations.pdf>
- [30] Ezhar Tamam, Manap, J. H., Azimi Hamzah, & Hanina Hamsan. (2005, June 25). Inventori Nilai Integriti (InNI): Kesahan dan Kebolehppercayaan 1. ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/283083678_Inventori_Nilai_Integriti_InNI_Kesahan_dan_Kebol ehpercayaan_1
- [31] Ayop, M., Arifin, M., & Ahmad, A. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum The importance of integrity culture and work ethics in Malaysian organizations: A preliminary study. <https://core.ac.uk/download/pdf/86409032.pdf>
- [32] Ab Rahman, A., Lokman, N. W., Mohamed Zain, L., Syed Omar, S. M. N., & Gunardi, S. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah Dan Cabaran Menanganinya Di Malaysia. Malaysian Journal of Syariah and Law, 10(1), 90-97. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol10no1.387>

- [33] Megat Arifin, A. A. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(9), 138–149.
- [34] Paper, F. (2019). *Jurnal Kemanusiaan Full Paper*. 2(2012), 20–26.
- [35] Ismail, Nur Syakiran Akmal. (2004). RASUAH? KATAKAN TIDAK Nur Syakiran Akmal Bt Ismail Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang Md Zawawi Abu Bakar Fakulti Pembangunan Sumber Manusia Universiti Utara Malaysia. 3(Pindaan 1971), 1–15.
- [36] Pon, Y., & Othman, Z. (2010). Pembangunan Intergriti Di Malaysia. In *Seminar Antarabangsa Pembangunan Wilayah Ekonomi, Perundingan dan Pentadbiran Malaysia dan Indonesia* (pp. 1–14). [http://repo.uum.edu.my/1510/1/Yusof_b_Pon\[1\].pdf](http://repo.uum.edu.my/1510/1/Yusof_b_Pon[1].pdf)